



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera  
13 April 2020

# **PNB SUMBANG LEBIH RM23 JUTA BANTU MALAYSIA MENENTANG COVID-19**

**Kuala Lumpur, 13 April 2020:** Berikutan pandemik Covid-19 yang berterusan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan usahanya membantu meringankan beban rakyat yang terkesan melalui pelbagai sumbangan dan bantuan sokongan untuk Covid-19 sejak menularnya wabak tersebut, yang berjumlah lebih **RM23 juta**.\*

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Pada ketika di mana kita perlu berganding bahu bagi membendung penyebaran wabak Covid-19, PNB beriltizam untuk menghulurkan bantuan dengan apa cara sekalipun. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan semua barisan hadapan perubatan memainkan peranan paling kritikal dan PNB berbesar hati dapat memberi sokongan dalam bentuk peralatan perubatan penting dan bantuan kewangan.”

“Untuk terus membantu usaha pemulihan dan mengurangkan penularan Covid-19, PNB juga telah menyumbang kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) (GDRN). Bantuan kewangan juga telah disalurkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pusat tersebut serta kepada institusi zakat bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk menempuh kesulitan yang tidak pernah terjadi ini. Bagi meringankan beban perniagaan yang terjejas akibat kekangan kewangan sepanjang tempoh ini, PNB akan memberikan pengecualian pembayaran sewa kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan penyewa di hartanah milik PNB. Kami berharap agar bantuan ini mampu memberi kesan positif dalam perjuangan menentang pandemik ini.”

Sumbangan PNB adalah seperti yang berikut:

### **Sumbangan kepada KKM**

1. Empat (4) buah ventilator penjagaan intensif yang bernilai RM637,560/- kesemuanya untuk merawat pesakit Covid-19;
2. RM3.1 juta kepada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di bawah KKM untuk menaik taraf perkhidmatan ujian diagnostik;
3. RM70,180/- kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis (CPRC) untuk membiayai kos peralatan utama yang diperlukan untuk membendung penyebaran Covid 19;
4. RM1.97 juta kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan, untuk disalurkan kepada 21 hospital yang telah dikenal pasti oleh KKM di seluruh negara bagi tujuan bantuan lanjutan kepada barisan hadapan;
5. RM3.5 juta kepada jabatan yang sama untuk disalurkan kepada 41 hospital di seluruh negara, bagi memberi bantuan kewangan segera kepada pesakit yang kurang bernasib baik;
6. RM2.3 juta kepada GDRN akan disalurkan bagi membantu KKM membeli bekalan perubatan, peralatan perlindungan diri dan keperluan lain, dan;
7. Sumbangan sebanyak RM11.2 juta yang telah disalurkan pada awal tahun untuk membantu KKM dalam pembelian kelengkapan perubatan dan kerja-kerja menaik taraf 23 hospital di seluruh negara, yang diharapkan telah dapat membantu mengukuhkan perkhidmatan kesihatan negara dalam keadaan semasa.

### **Sumbangan kepada organisasi lain**

8. Sebagai sokongan kepada inisiatif yang dilancarkan baru-baru ini oleh institusi zakat untuk membantu pemilik perusahaan kecil, sebanyak RM800,000/- telah disumbang kepada Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. Sumbangan pertama sebanyak RM300,000/- telah disalurkan kepada kira-kira 600 usahawan di Wilayah Persekutuan, dan sumbangan kedua berjumlah RM500,000/- turut diberikan kepada mereka yang mengalami kesulitan yang sama di seluruh negara, termasuk isi rumah B40 dan pekerja gaji harian yang terjejas akibat kehilangan pendapatan.

### **Sumbangan lain**

9. Attana Hotels & Resorts Sdn Bhd, syarikat hospitaliti PNB, telah mengedarkan makanan kepada barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh, badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)-OKU Sentral serta badan-badan beruniform sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen yang diberikan dan untuk meningkatkan semangat mereka.

10. Selaras dengan pakej rangsangan yang diumumkan oleh Kerajaan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), PNB akan memberikan pengecualian pembayaran sewa selama tiga bulan kepada 500 PKS yang merupakan penyewa di hartanah milik PNB, serta pengecualian pembayaran sewa kepada semua penyewa sepanjang tempoh Pergerakan Kawalan Pergerakan.

PNB turut ingin merakamkan penghargaan kepada Bank Negara Malaysia dan rakan bank komersial bagi syarikat unit amanah milik penuh PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang telah memberikan moratorium bagi tempoh enam bulan untuk pinjaman pengguna mulai 1 April 2020. Inisiatif ini memberikan kelegaan sementara kepada pemegang unit yang telah mengambil pinjaman bagi membiayai pelaburan mereka dalam dana unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan ASB 2.

Selain daripada sumbangan PNB, syarikat-syarikat pelaburan PNB termasuk Maybank, Sime Darby Berhad, Sime Darby Plantation, Sime Darby Property, UMW Holdings Berhad, SP Setia, Sapura Energy, Duopharma Biotech Berhad, MIDF Berhad dan lain-lain juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Ini merangkumi bantuan kewangan, kepada pelbagai saluran sumbangan tabung Covid-19 seperti GDRN dan NGO seperti MERCY Malaysia, serta penajaan peralatan dan bekalan perubatan.

*\*Jumlah ini tidak termasuk pengecualian pembayaran sewa kepada penyewa PKS di hartanah milik PNB dan sumbangan makanan oleh syarikat hospitalitinya, Attana Hotels and Resorts Sdn Bhd kepada barisan hadapan.*

*- Tamat –*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**


Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 254 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**


**PNB**  
menyumbang  
**lebih daripada  
RM23 Juta**  
bagi membantu Malaysia  
menangani Covid-19



## RM11,837,560

**Kementerian Kesihatan (KKM)**


- 4 buah ventilator rawatan intensif bagi merawat pesakit Covid-19.
- Untuk membeli peralatan perubatan dan membiayai kerja-kerja menaiktaraf di 23 buah hospital.



## RM5,470,000

**Jabatan Kerja Sosial Perubatan**


- Untuk diagihkan kepada 21 buah hospital bagi memberi bantuan lanjut kepada barisan hadapan.
- Untuk disalurkan kepada 41 buah hospital bagi menyediakan bantuan kewangan segera kepada pesakit yang kurang berkemampuan.



## RM70,180

**Pusat Kesediaan dan Tindak Balas Krisis (CPRC)**


Untuk membiayai kos peralatan penting yang diperlukan dalam mengengkang penyebaran Covid-19.



## RM3,100,000

**Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)**

Untuk menaik taraf perkhidmatan ujian diagnostik.



## RM2,300,000

**Rangkaian Tindak Balas Bencana (GDRN)**


Untuk membeli bekalan perubatan, peralatan perlindungan peribadi dan keperluan lain.



## RM800,000

**Pusat Pungutan Zakat - MAIWP**

- Untuk diagihkan kepada 600 usahawan di Wilayah Persekutuan.
- Untuk diagihkan kepada mereka yang menghadapi kesukaran yang serupa di seluruh negara, termasuk isi rumah B40 dan pekerja gaji harian yang terjejas akibat kehilangan pendapatan.



**Hospital Sungai Buloh, NGO - OKU Sentral**

Mengedarkan makanan kepada petugas barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) - OKU Sentral; dan badan beruniform.



**Perniagaan PKS yang kini menjadi penyewa di hartanah milik PNB**

Pengecualian sewa tiga bulan kepada kira-kira 500 perniagaan PKS yang kini menjadi penyewa di hartanah milik PNB, serta pengecualian sewa kepada semua penyewa untuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.